

14 APR 1996

Mahathir-Lawatan

PM BERLEPAS KE NEGARA-NEGARA BALKAN

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berlepas ke Eropah bagi memulakan lawatan rasminya ke tiga negara Balkan.

Perdana Menteri diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Yang turut menghantarnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Semasa singgah di London, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan mengenai Islam di Pusat Islam Oxford, Universiti Oxford pada Selasa.

Kemudian, Dr Mahathir akan melawat Mowag Industry yang mengkhususkan peralatan ketenteraan dan kenderaan berat di Zurich, Switzerland pada Rabu.

Selepas itu, Perdana Menteri akan meneruskan perjalanannya bagi mengadakan lawatan rasmi selama empat hari ke negara-negara Balkan -- Croatia, Bosnia Herzegovina dan Macedonia mulai 18 April ini.

Antara aturcara beliau di Croatia ialah merasmikan Pameran Barangan Malaysia di Zagreb.

Di Sarajevo pula, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Bosnia Alija Izetbegovic dan menyerahkan sumbangan berjumlah RM3.2 juta yang dikutip oleh guru-guru dan murid-murid sekolah di negara ini bagi membantu membina semula sebuah sekolah di ibu negeri Bosnia itu.

Beliau juga akan melawat pasukan tentera Malaysia di Bosnia dan juga meninjau peluang pelaburan di ketiga-tiga negara Balkan itu.

Dr Mahathir dijadualkan berucap pada persidangan mengenai pentadbiran dan pengurusan awam di Malta sebelum pulang ke tanahair pada 26 April. --
BERNAMA

JM NAK